



GOLF

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh 'The Royal And Ancient Golf Club Of St. Andrews' dan peraturan-peraturan tempatan berkaitan, melainkan apa-apa kekecualian atau keputusan lain yang ditetapkan oleh jawantankuasa penganjur.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini dan jawatankuasa penganjur.

3. JENIS PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan Antara Pasukan Universiti-Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.
- 3.2 Acara yang dipertandingkan ialah kategori individu.

4. PENDAFTARAN PESERTA

- 4.1 Setiap universiti boleh mendaftar sekurang-kurangnya seorang (1) peserta bagi setiap kategori lelaki dan wanita dan maksima lapan (8) orang peserta lelaki dan empat (4) orang peserta wanita.

5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Sistem pertandingan adalah berdasarkan kepada kiraan 'nett score' bagi 18 lubang berdasarkan 'system 36 stroke play'.
- 5.2 Handicap maksimum yang dikira adalah 24 bagi lelaki dan 36 bagi wanita.
- 5.3 Susunan 'flight' adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh jawantankuasa penganjur.
- 5.4 Peserta-peserta pertandingan hendaklah melapor diri 15 minit sebelum masa giliran permainan yang ditetapkan. Pemain yang melapor diri lewat dari masa yang ditetapkan akan dibatalkan penyertaannya.
- 5.5 Keputusan pemenang akan ditentukan berdasarkan 'nett score' terbaik.
- 5.6 Keputusan markah pemenang yang dibawa untuk pengiraan keputusan keseluruhan permainan MASUM dikira berdasarkan markah tertinggi terkumpul seorang pemenang sahaja setiap universiti.

5.7 Sekiranya keputusan seri, OCB akan dikira berdasarkan :

5.7.1 9 lubang terakhir (2nd nine)

5.7.2 6,3 dan 1 lubang terakhir (2nd nine)

5.8 Hal-hal akan dirujuk kepada Peraturan Am (9.0) MASUM

6. PERKARA-PERKARAYANG DITERANGKAN

6.1 Jawatankuasa penganjur mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan kejohanan ini.

6.2 Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak dicatatkan di dalam peraturan ini adalah muktamad.

7. PAKAIAN

Semua pemain mestilah berpakaian golf yang dibenarkan dengan kasut berpaku lembut

8. TELEFON BIMBIT

Para pemain tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit sepanjang pertandingan berlangsung.

9. KUASA DAN KEPUTUSAN

Jawatankuasa penganjur akan melantik seorang pengadil pertandingan. Keputusan pengadil ini hendaklah digunapakai bagi menyelesaikan masalah yang timbul semasa pertandingan berlangsung.

10. BANTAHAN/RAYUAN

Sila rujuk Peraturan Am (13 & 15) MASUM

11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM